

Tatacara Persediaan Pelesenan Premis Pengilangan/Penggudangan

A. Sebelum Pewartaan Terhadap Pindaan Undang-Undang Berkaitan

- 1) Terima permohonan dan cop tarikh
- 2) Pastikan barang yang dikilang/digudang adalah minuman bergula di bawah kepala 2009 dan 2202 (Rujuk Cawangan Klasifikasi sekiranya memerlukan bantuan)
- 3) Pastikan salinan dokumen-dokumen berikut disertakan dalam 2 salinan:
 - i. Surat Rasmi Permohonan Lesen Eksais Untuk Mengilang Minuman Bergula
 - ii. Borang Permohonan Am Untuk Lesen – Borang JKDM1 (Contoh di Lampiran C)
 - iii. Salinan Sijil / Lesen Perniagaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan
 - iv. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan / Syarikat
 - v. Memorandum and Articles of Association (MMA)
 - vi. Salinan Lesen Pengilangan di bawah Akta Penyelaran Perindustrian 1975 (jika berkaitan)
 - vii. Senarai Mesin dan Jentera Yang Digunakan
 - viii. Senarai Barang Siap, Brand, Packaging
 - ix. Nisbah Input / Output (gula)
 - x. Carta Aliran Pengilangan
 - xi. Salinan Plan yang menunjukkan tapak bina / susunan premis / susunan jentera dan tandakan ruang-ruang berikut:
 - a. Ruang pengilangan (Kuning)
 - b. Kawasan yang dilesenkan (Garis Merah)
 - c. Ruang sisa (Jingga)
 - d. Ruang Mesin (Coklat)
 - xii. Surat Kelulusan Bomba
 - xiii. Surat Kelulusan Jabatan Alam Sekitar
 - xiv. Contoh Tandatangan Pegawai Yang Diberikuasa Untuk Berurusan Dengan JKDM

- 4) Pastikan Jaminan Bank disertakan. Pengiraan adalah berdasarkan formula:

$$\text{Jaminan Bank} = \frac{\text{Anggaran duti eksais setahun}}{12} \times 15\%$$

Jaminan bank hendaklah didaftarkan dan disimpan dengan selamat

- 5) Daftarkan Fail mengikut kilang/gudang (Rujuk Buku Panduan Pendaftaran Fail di pejabat masing-masing)
- 6) Membuat lawatan ke premis pengilangan/penggudangan

- 7) Membuat laporan pemeriksaan premis sebagaimana **Lampiran L-** Perintah Tetap Eksais Bil. 3 kepada Pengarah Kastam Negeri/ Pengarah Operasi
- 8) Sediakan syarat-syarat lesen sebagaimana **Lampiran A-** Perintah Tetap Eksais Bil. 3. Pengarah Kastam Negeri/ Pengarah Operasi boleh meletakkan syarat-syarat tambahan atau membuang mana-mana syarat sekiranya perlu.
- 9) Daftarkan permohonan dalam skrin SLAP1, SLAP2 dan SLAP3 dalam Sistem Maklumat Kastam (SMK). (Rujuk Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) sekiranya memerlukan bantuan)

Nota:

- i. Aktiviti Pengilangan hendaklah dimasukkan sebagai Mengilang Minuman Bergula
- ii. Tempoh Pelesenan ialah 1 tahun atau 2 tahun (mengikut penilaian JKDM Negeri).
- iii. Lesen tidak boleh dikeluarkan sehinggalah perundangan berkaitan diwartakan serta bayaran lesen dikemukakan

B. Selepas Pewartaan Terhadap Pindaan Undang-Undang Berkaitan

- 1) Serahkan fail kepada Pengarah Kastam Negeri/ Pengarah Operasi untuk kelulusan
- 2) Arahkan syarikat mengemukakan bayaran fee lesen sebanyak [REDACTED] mengikut Peraturan-Peraturan Kastam 1977
- 3) Sokongan dan Kelulusan hendaklah diberikan dalam skrin SLAP4 dalam Sistem Maklumat Kastam (SMK). (Rujuk Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) sekiranya memerlukan bantuan)
- 4) Cetakkan lesen
- 5) Serahkan lesen, syarat-syarat lesen dan satu salinan dokumen di para A(3) dan A(4) kepada pelesen
- 6) Failkan salinan lesen, satu salinan dokumen di para A(3) dan A(4) dan lain-lain surat-menyurat berkaitan pelesen dalam fail masing-masing seperti di A(5)

Nota: Perkara yang dihitamkan adalah untuk tujuan makluman dalaman JKDM sahaja.